

Dari Sebulan ke Sebulan

“Bulan Bahasa Kebangsaan” akan dijalankan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu dalam dua penggal. Penggal pertama akan dimulai dari 28 Januari hingga 10 Februari

1961. Ketetapan ini telah diambil oleh Jawatankuasa Pusat “Bulan Bahasa” dalam persidangannya baharu-baharu ini.

Selain daripada Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Nasir bin Ismail (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka), tiga jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk melicinkan perjalanan pertadbiran Bulan Bahasa Kebangsaan yang dilancarkan itu. Tiga Jawatankuasa yang tersebut itu ialah Penerangan, Perpaduan dan Pesta Buku-buku dan Penerbitan-penerbitan Bahasa Kebangsaan.

Menurut siarannya, Bulan Bahasa itu diadakan ialah bagi melanjutkan usaha untuk melahirkan rasa kesedaran rakyat Tanah Melayu, khasnya orang-orang yang bukan Melayu terhadap Bahasa Kebangsaan dan menggalakkan lagi penggunaannya serta mengukuhkan lagi semangat dan keyakinan mereka kepada Bahasa Melayu – Bahasa Kebangsaan yang rasmi dan tunggal itu.

Untuk menyelenggarakan perkara-perkara semacam ini tentulah perlu kerjasama dari luar. Untuk ini hendaklah muhibah kerjasama keduanya diperkuat dan dieratkan lagi – jangan sudah habis, habislah.

* * *

Tatkala mengalun-alukan Menteri Muda Pelajaran, Kapten Abdul Hamid Khan, yang mensifatkan anggota-anggota Jawatankuasa Pusat Bulan Bahasa sebagai panglima di barisan hadapan yang akan menjalankan tugas yang berat, Pengerusi Jawatankuasa itu, Wan Syed Nasir bin Ismail berkata:

“Matlamat angkatan yang saya pimpin ini akan

ditumpukan di bandar-bandar seluruh Tanah Melayu ini kerana tempat-tempat ini saya nampak masih belum memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada Bahasa Kebangsaan”.

Lebih lanjut beliau berkata: “Kalau seseorang asing menjelak bumi Tanah Melayu ini, ia akan menyangka bahawa bumi ini adalah sebahagian daripada sebuah negara lain, boleh jadi negara China, kerana hampir semua kedai-kedai dalam bandar-bandar baik besar mahu pun kecil masih mengutamakan bahasa lain daripada Bahasa Kebangsaan negara ini. Dengan tegasnya saya tujukan kepada papan-papan nama dan iklan-iklan di kedai-kedai dan bangunan-bangunan perniagaan dalam bandar-bandar kita.”

Ini benar, tetapi yang utama dimulakan dahulu adalah di pejabat-pejabat kerajaan kerana masih banyak yang memakai bahasa Inggeris. Sebab itu sebelum ke lain, ke tempat jabatan kerajaan lebih molek dibanteras keras-keras supaya menjadi contoh – tidak nanti orang berkata mengapa kita diminta kerjasama sedang di dalam tempat-tempat pejabat kerajaan masih mengutamakan papan-papan bertulis Inggeris?

* * *

Kerajaan Singapura telah mengumumkan satu undang-undang baru pada bulan yang lalu. Undang-undang itu ialah Undang-Undang Lencana dan Bendera dan Lagu Kebangsaan 1960.

Menurut undang-undang tersebut, orang ramai hendaklah berdiri untuk menghormati lagu negara apabila lagu itu diperdengarkan, jika tidak, maka orang yang didapati salah akan didenda seribu ringgit.

Tentang bendera negara pula, undang-undang itu menetapkan bendera negara tidak boleh ditundukkan kepada sesiapa atau kepada sesuatu apa pun dan bendera lain tidak boleh dikibarkan di atas bendera negara. Bendera negara juga

tidak boleh direbahkan dan jika dalam perarakan hendaklah dibawa tegak di sebelah kanan bahu orang yang membawanya.

Lebih lanjut undang-undang itu menegaskan, bendera negara tidak dibenarkan untuk iklan, atau menutup meja, atau digantung dari siling, atau dicap untuk perniagaan.

Bendera negara juga, menurut undang-undang baharu itu, mempunyai peraturan yang tertentu dalam majlis-majlis mesyuarat. Dalam sesuatu persidangan, bendera negara mestilah diletakkan di belakang Pengerusi dan segala perhiasan atau lambang-lambang yang lain tidak boleh diletakkan di atasnya.

Bendera negara juga tidak boleh dikibarkan di sebarang motokar kecuali motokar yang Dipertuan Negara dan menteri-menteri kerajaan Singapura.

Menurut fatwa orang-orang Kaum Muda (Muhammadiyah), menghormati lagu dan menghormati bendera bid‘ah hukumnya. Jadi kalau mereka tidak mau menghormati lagu dan bendera maka betapakah kedudukan umat Islam? Ustaz Rijal dari Muhammadiyah patut membuat fatwa dalam hal ini. Ini lebih baik Ustaz, dari persoalan asli dibahaskan!

Kerajaan Singapura telah memperundang-undangkan kuatkuasa terhadap penerbitan-penerbitan kebudayaan kuning, ertinya apa-apa jua yang diterbitkan, yang disifatkan sebagai kebudayaan kuning, sama ada berupa buku atau lain-lainnya adalah kerajaan berkuasa untuk merampas, menahan dan menghukum orang-orang yang menyimpannya. Ini bagus, sungguh bagus! Tetapi sepatutnya kerajaan juga memberi takrif apa yang dikatakan kebudayaan kuning, sebab mengikut takrif undang-undang lama, sangat luas. Kerana itu takrif undang-undang kebudayaan kuning itu mustahak dibuat supaya dapat orang berpandu dan supaya jangan pula pakai suka-suka sahaja menuduh kuning – takrifnya sebagai getah boleh dipendekkan dan boleh dipanjangkan ikut suka orang yang memegangnya. Sebaliknya pula orang-orang terfikir – kalau membaca atau gambaranya sahaja apakah lebih daripada melihat orangnya? Kalau buku-buku atau



Pengerusi Badan Pengawal, Dewan Bahasa dan

Pustaka, Tuan Sheikh Ahmad bin Mohamad Hashim sedang menyampaikan hadiah kepada pengarang Cerita Pendek Kanak-kanak, anjuran Dewan Bahasa, Encik Ma'ruf bin Mahmud, yang berjaya mendapat hadiah yang pertama. Ceritanya yang telah terpilih itu bertajuk: ‘Orang Curang Jatuh Ke Jurang’.

Upacara menyampaikan hadiah itu telah berlangsung di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur, baharu-baharu ini.

majalah sahaja yang dihukumkan kuning tetapi yang lebih hebat yang hidup tidak ada undang-undangnya tentulah bahaya lebih lagi. Lihat sahaja, cheongsam belahnya hampir-hampir tiga suku peha, seluar pendeknya (wanita) sampai hampir ari-ari dan di sana di sini di kabaret terbiar dan dibenarkan – apakah ini tidak lebih kuning lagi? Tuan Burn harap memerhatikan hal ini – supaya hukum tidak mengenai sebahagian sahaja – hukum hendak dijalankan supaya merata.

Tengku Abdul Rahman telah membuat suatu jasa baik hendak mencari perdamaian di antara Indonesia dan Belanda mengenai Irian Barat. Dalam masa beliau berusaha itu Menteri Luar Indonesia dengan tegas menyatakan Irian Barat mesti diserahkan kepada Indonesia dengan tidak bersyarat. Jasa baik Bangsa-bangsa Bersatu tidak dipercayai

Sambungannya pada muka 46

Lumumba keluar dari rumahnya untuk menemui menteri-menteri Kabinetnya kita masih belum mendapat pengumuman yang rasmi dari Mobutu, Kasa-Vubu dan Lumumba demikian juga dari pemimpin-pemimpin yang lainnya, ataukah mereka itu suka berdamai dan melepaskan kepentingan diri sendiri guna menegakkan negara Congo yang berdaulat, yang aman, makmur dan berbahagia.

Setelah Dag Hammarskjöld mendapat mandat yang baru ini dari Bangsa-bangsa Bersatu, marilah pula sama-sama kita perhatikan pada masa yang akan datang ini, ataukah dia dapat melaksanakan tugasnya itu dengan mendapat hasil yang memuaskan, dengan mendapat bantuan serta kerjasama dari seluruh rakyat Congo sendiri dan disokong oleh persatuan segenap anggota dari negara-negara Blok Asia-Afrika, yang menjadi penasihat dari Setiausaha Agong B.B. di Congo itu.

Dari Sebulan ke Sebulan

Sambungan dari muka 41

mereka untuk menyelesaikan perkara itu. Ini, ertinya, Tengku, Indonesia tidak mau berunding dan bermesyuarat lagi. Kalau sudah begitu apakah gunanya Tengku bersusah-susah, nanti dikatakan orang hidung tak mancung pipi tersorong-sorong.

* * *

Perkara-perkara mengenai “orang-orang Arab yang bergelar Syed” telah menjadi perkara yang sangat-sangat dibesarkan oleh dua buah akhbar Melayu tempatan dan mereka berpendapat ada hina menghinakan kerana orang-orang yang memakai perkataan Syed itu pada permulaan namanya itu kononnya telah menjadikan orang lain hina. Tuan Syed Nasir bin Ismail dengan tegasnya

telah menyatakan bahawa keturunan ini tidak meminta dipanggil hamba Habib atau seumpamanya dan mereka pula tidak terasa hina kalau dipanggil namanya sahaja, encik dan sebagainya. Bahkan mereka lebih senang kalau dipanggil nama sahaja. Tidak ada seorang pun di antara mereka yang dapat menahan kalau seorang yang hendak berbahasa mengikut apa yang dikatakannya. Orang tidak dapat menegah. Sedangkan almarhum Sultan Ibrahim Johor, pun tatkala hendak mengalungkan Darjah Kerabat kepada Mufti Johor dahulu, berkata: “Harap Habib maafkan saya hendak mengalungkan ini.” Orang mau menghormati orang lain, tidak ada seorang pun yang menahan.

Perkara ini merebak pula tentang kahwin Sharifah.

Tidakkah sudah berapa banyak Sharifah berkahwin dengan orang yang bukan Syed? Kalau seorang bapa tidak mau mengkahwinkan anaknya kepada orang yang tidak disukainya, siapa yang melarangnya dan siapa yang dapat menyalahkan bahkan kalau seorang bapa reda mengkahwinkan anaknya sekalipun dengan orang penjudi dan peminum siapakah yang dapat menahan? Hak bapa (wali) masih ada kuatkuasa di Tanah Melayu (mengikut mazhab). Apakah perkara itu mesti di besar-besarkan juga padahal bab kufu dipakai di dalam tiga daripada empat mazhab *ahl al-Sunnah*? Tidakkah Shāfi‘ī, Ḥanafī dan Ḥanbalī menetapkan adanya kufu dalam Islam? Sebahagian besar orang-orang ini pun tidak gemar adanya ini tetapi bolehkah mereka mengikis asal darah mereka? Kalau persoalan ini dibahas tentunya panjang dan tidak akan sudahnya terutamanya apabila akhbar tempatan itu selalunya mengeluarkan pendapat-pendapat yang bersetuju dengannya sahaja. Hal ini tidak merebak melainkan ada sesuatu tujuan di belakangnya yang masing-masing orang mengetahuinya. Kepada yang ikhlas; berjuanglah terus untuk menunaikan kewajipan terhadap agama.